



## MATLAMAT

# PENDIDIKAN INKLUSIF DI MALAYSIA

Pendidikan Khas merupakan perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan murid berkeperluan khas (MBK). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan lima Program Pendidikan Khas, antaranya termasuklah Program Pendidikan Inklusif (PPI). PPI merupakan suatu program pendidikan yang melibatkan murid kurang upaya fizikal belajar bersama-sama murid tipikal di dalam satu kelas.



**D**alam konteks ini, pendidikan inklusif ditakrifkan sebagai proses pengintegrasian MBK ke dalam bilik darjah yang biasa dan diajar oleh guru biasa. PPI adalah satu wahana bagi meningkatkan penyertaan dan peluang MBK untuk mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid tipikal. Bukan itu sahaja, pendidikan ini juga diwujudkan bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat agar tidak memandang rendah terhadap tahap keupayaan MBK untuk terus cemerlang dari pelbagai bidang. Menurut KPM, PPI diwujudkan bertujuan untuk memastikan MBK mendapat hak yang sama rata untuk belajar dalam persekitaran tanpa halangan, selain memastikan MBK dapat menyesuaikan diri dengan murid arus perdana.

### Jenis Program Pendidikan Inklusif

Pendidikan inklusif terbahagi kepada dua jenis, iaitu inklusif penuh dan inklusif separa. Pendidikan inklusif penuh merujuk MBK yang terpilih akan mengikuti semua mata pelajaran murid arus perdana secara sepeh masa di dalam kelas biasa. MBK akan terlibat dengan aktiviti kokurikulum di sekolah mahupun di luar sekolah bersama-sama murid yang lain. Selain itu, MBK inklusif penuh ini berpeluang untuk mengambil peperiksaan awam bergantung kepada tahap kebolehan masing-masing. Guru kelas biasa boleh merujuk atau meminta bantuan guru pendidikan khas bagi mengatasi masalah MBK tersebut.

Seterusnya, inklusif separa pula merujuk MBK yang terpilih akan mengikuti pembelajaran di kelas biasa bagi mata pelajaran tertentu sahaja. Setelah selesai mengikut mata pelajaran tersebut, MBK akan kembali ke kelas PPKI. Inklusif separa terbahagi kepada dua kategori, iaitu separa akademik dan inklusif separa bukan akademik. Inklusif separa akademik bermaksud MBK akan belajar sekurang-kurangnya satu mata pelajaran, seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan sebagainya bersama-sama murid arus perdana di kelas biasa, manakala inklusif separa bukan akademik pula mengambil kira pelibatan MBK dalam aktiviti kokurikulum dan sosialisasi guru pendidikan khas menjadi guru pendamping bagi mengatasi masalah MBK ini.


Dari segi pentaksiran, MBK terbahagi kepada dua komponen, iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Pentaksiran Pusat (PP). PBD merujuk MBK yang ditaksirkan secara terus di dalam bilik darjah melalui kaedah pemerhatian, lisan, hasil kerja murid oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid. PP pula merujuk MBK yang menjalani pentaksiran dan penilaian sama sahaja seperti murid arus perdana dari aspek kurikulum dan kokurikulum. Oleh hal yang demikian, guru memainkan peranan penting dalam menentukan MBK layak mengikuti program inklusif di sekolah rendah dan menengah bergantung kepada laporan prestasi dan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

### Isu Pendidikan Inklusif di Malaysia


Pendidikan Inklusif memerlukan kolaborasi yang kukuh daripada MBK, murid aliran perdana, guru aliran perdana dan guru pendidikan khas. Pelaksanaan program ini sepenuhnya melibatkan guru aliran perdana di sekolah berdasarkan garis panduan KPM. Namun begitu, masih terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh guru aliran perdana dalam mengajar dan menguruskan MBK ini di sekolah.

Yang pertama, guru aliran perdana kurang mahir dalam mengendalikan MBK. Hal ini menyebabkan kebanyakan guru aliran perdana menghadapi kesukaran untuk memahami keperluan MBK semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Bukan itu sahaja, mereka tidak diberikan latihan yang khusus berkaitan dengan teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersesuaian dengan MBK. Kesannya, guru aliran perdana akan kerap menggunakan teknik dan kaedah PdP yang sama untuk semua murid tanpa mengambil kira tahap keupayaan dan potensi MBK. Tambahan pula, MBK tidak menguasai hasil pembelajaran bagi setiap topik mata pelajaran yang dipelajari di kelas.

Kedua, faktor keadaan bilik darjah. Bilik darjah yang tidak diubahsuai untuk menempatkan MBK ini memberikan kesan negatif terhadap pengajaran guru aliran perdana. Hal ini dikatakan demikian kerana pergerakan MBK di bilik darjah



Rajah 1 Pemilihan MBK ke Program Pendidikan Inklusif dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ke pendidikan inklusif.



Rajah 2 Pemilihan MBK ke pendidikan inklusif di sekolah tanpa PPKI.



Sumber alat bantuan pembelajaran di dalam kelas dapat meningkatkan keupayaan MBK.

terbatas, selain aktiviti yang menarik sukar dilaksanakan serta kurang selesa dan tidak selamat. Di samping itu, penyesuaian fizikal terhadap sumber bantuan pembelajaran di dalam kelas tidak diperolehi. Hal ini boleh dilihat menerusi penyusunan meja dan kerusi, serta peralatan bilik yang tidak konsisten di kelas. Kesannya, guru sukar melakukan aktiviti penglibatan aktif bagi MBK di kelas.

Seterusnya, kekurangan kerjasama dan sokongan atau bantuan ibu bapa

terhadap sekolah. Dalam hal ini, ibu bapa kurang cakna dalam mengikuti tahap perkembangan anak-anak. Bukan itu sahaja, mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada guru dalam meningkatkan tahap keupayaan anak mereka. Sebagai contoh, ibu bapa tidak datang berjumpa dengan guru di sekolah dan sebagainya. Sikap negatif ini menyebabkan tahap perkembangan anak-anak mereka berada pada tahap yang sama. Kesannya, tahap keyakinan akan berkurangan apabila mereka tidak yakin untuk menonjolkan bakat masing-masing di sekolah.

### Kepentingan Pendidikan Inklusif di Malaysia


Pendidikan inklusif yang dilaksanakan mempunyai banyak kelebihan kepada MBK. Antaranya termasuklah menyediakan lebih banyak peluang untuk berdikari dan memperoleh peluang pekerjaan. Sifat ini mampu menjana kos sara hidup MBK kelak. Selain itu, pendidikan inklusif ini mampu memberikan peluang untuk berada dalam persekitaran masyarakat yang sebenar. MBK akan belajar situasi baharu, emosi yang sepatutnya ditunjukkan, cara komunikasi, sikap yang positif dan sebagainya. Melalui kaedah ini, mereka mampu melatih diri untuk berhadapan dengan kehidupan masa depan kelak.

Selain itu, pendidikan inklusif mampu memberikan peluang kepada MBK untuk menonjolkan bakat serta menimba ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, MBK boleh menyertai pelbagai program kurikulum dan kokurikulum di sekolah bersama-sama rakan yang lain. Hal ini mampu mencungkil bakat yang terpendam yang dimiliki oleh MBK. Bukan itu sahaja, mereka turut belajar berhadapan dengan situasi baharu serta dapat menerima dan menyuarakan pendapat bersama-sama rakan yang lain ketika melakukan aktiviti berkumpulan. Melalui program ini, kemahiran komunikasi dua hala dapat ditingkatkan selain perbendaharaan kata meningkat.

Di samping itu, pendidikan inklusif ini mampu menghapuskan diskriminasi terhadap MBK. Perbuatan diskriminasi ini merupakan satu bentuk layanan yang negatif dan buruk terhadap MBK. Sikap negatif ini mampu mengakibatkan tahap keyakinan diri dan kemahiran sosial MBK berkurangan. Sebagai contoh jelingan tajam, menjelir lidah, dan sebagainya. Oleh itu, kerjasama oleh semua pihak perlu ditingkatkan agar murid arus perdana terdedah dengan tahap keupayaan MBK ini.



Pendidikan inklusif turut memberikan peluang ke arah pemantapan sistem pendidikan kepada MBK di Malaysia.



### Murid Berkeperluan Khas

Istilah MBK ialah singkatan bagi murid berkeperluan khas yang bererti murid yang diperakukan pengamal perubatan ahli optik, ahli audio atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta. Terdapat enam kategori MBK menurut KPM menerusi Kod Amalan Pendidikan Murid Berkeperluan Khas, iaitu ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan.

Yang pertama, ketidakupayaan penglihatan bermaksud individu yang mengalami penglihatan terhad atau tidak dapat melihat walaupun dibantu dengan menggunakan alat bantu penglihatan, seperti cermin mata atau kanta sentuh. Yang kedua, ketidakupayaan pendengaran

merujuk individu yang mengalami ketidakupayaan pendengaran diperoleh sama ada semenjak lahir atau selepas dilahirkan. Yang ketiga, ketidakupayaan pertuturan, iaitu individu yang mempunyai masalah bercakap, tetapi boleh mendengar dengan baik. Dalam hal ini, ketidakupayaan pertuturan terdiri daripada empat masalah, iaitu masalah sebutan, masalah gagap, masalah suara dan masalah bahasa.

Yang keempat, ketidakupayaan fizikal bermaksud kehilangan anggota badan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan. Yang kelima, ketidakupayaan pelbagai ialah gabungan dua atau lebih ketidakupayaan, seperti masalah pembelajaran, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan fizikal dan ketidakupayaan pertuturan yang wujud seiring terhadap individu tersebut. Sebagai contoh pekak-buta, spastik-kerencatan mental

“ Pendidikan inklusif mampu memberikan peluang kepada MBK untuk menerima PdP dan penyesuaian diri dalam pelbagai aspek, seperti sosial dan kognitif. ”

dan sebagainya. Yang keenam, masalah pembelajaran merupakan kecelaruan dalam satu atau lebih daripada satu proses psikologi yang melibatkan kefahaman, penggunaan bahasa lisan atau bertulis.

Pendidikan inklusif mampu memberikan peluang kepada MBK untuk menerima PdP dan penyesuaian diri dalam pelbagai aspek seperti sosial dan kognitif. Bukan itu sahaja, pendidikan inklusif turut memberikan peluang ke arah pemantapan sistem pendidikan kepada MBK di Malaysia, serta mampu mengangkat martabat pendidikan Malaysia di persada dunia. Oleh itu, semua pihak perlu menggembeng tenaga untuk merealisasikan matlamat pendidikan inklusif ini bagi murid berkeperluan khas. □



Kemudahan dan keistimewaan khas wajar diberikan perhatian kepada golongan kurang upaya.